



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

ISTIMEWA ARAFAH

Tarikh Dibaca:

**7 ZULHIJJAH 1445H /
14 JUN 2024**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْقُوا طَعْمَ الْجَاهِلِيَّةِ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

ISTIMEWA ARAFAH

14 JUN 2024 / 7 ZULHIJAH 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ إِنَّ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ ﴿١٦﴾ لَمَجْمُوعُونَ إِلَىٰ مِيقَاتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ ﴿١٧﴾ (سُورَةُ الْوَاقِعَةِ)
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Pada hari ini saya akan membicarakan khutbah bertajuk: “**Istimewa Arafah**”.

Sebelum itu, saya tanpa rasa jemu ingin mengajak seluruh umat Islam untuk terus mendoakan keselamatan penduduk Palestin yang sekian lama menjadi mangsa kekejaman rejim zionis Israel *laknatullahi alaihim*. Kejamnya zionis yang terus membantai penduduk Palestin dan menyasarkan anak-anak kecil, kaum wanita dan orang awam yang

tidak berdosa. Panjatkanlah sebenar-benar pertolongan kita kepada Allah SWT Yang Maha Gagah, Yang Maha Kuasa untuk membantu penduduk Palestin mencapai kebebasan dan memerdekakan tanah air mereka. Saya juga ingin menyeru kepada semua untuk mendoakan kesejahteraan dan keselamatan negara kita khususnya serta dijauhkan dari sebarang bentuk malapetaka, kekacauan, perbuatan khianat dan huru-hara.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Hari Arafah jatuh pada tanggal 9 Zulhijjah setiap tahun dan ia termasuk antara hari yang paling utama dan istimewa. Terdapat beberapa dalil yang menceritakan tentang istimewanya hari Arafah, antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina A'isyah radhiallahu 'anha, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ أَكْثَرَ مِنْ أَنْ يُعْتَقَ اللَّهُ فِيهِ عَبْدًا مِنَ النَّارِ مِنْ يَوْمِ عَرَفَةَ، وَإِنَّهُ لَيَدْنُو ثُمَّ يُبَاهِي بِهِ الْمَلَائِكَةَ فَيَقُولُ: مَا أَرَادَ هَؤُلَاءِ؟

Maksudnya: “Tidak ada hari yang Allah Azza wa Jalla membebaskan hamba dari neraka lebih banyak daripada hari Arafah, dan sesungguhnya Dia mendekat lalu membanggakan mereka di hadapan para malaikat dan berkata: Apa yang mereka inginkan?”¹

Selain itu, disebut juga bahawa hari Arafah antara waktu yang terbaik untuk kita berdoa kepada Allah SWT sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr radhiallahu anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمِ عَرَفَةَ، وَخَيْرُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالنَّبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “Sebaik-baik doa ialah doa pada hari Arafah, dan sebaik-baik ucapan yang aku dan para nabi sebelumku ucapkan ialah;

¹ Hadis riwayat Imam Muslim

(لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ).²

Maka perbanyakkanlah berdoa kepada Allah SWT terutamanya dalam memohon keampunan daripada-Nya dan memohon keselamatan dari seksa kubur serta diselamatkan dari azab seksa api neraka.

Seperkara lagi yang sangat dianjurkan untuk kita lakukan ialah berpuasa pada hari Arafah. Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Qatadah *radhiyallahu anhu* bahawa Nabi SAW bersabda:

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

Maksudnya: “Puasa hari Arafah aku harapkan dari Allah dapat menghapuskan dosa setahun sebelumnya dan setahun selepasnya”.³

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Arafah juga umat Islam dari seluruh belahan dunia akan berkumpul di tanah yang penuh berkat. Umat Islam berwukuf di Arafah sambil mengucapkan *talbiyah* dan memohon doa dan kurniaan Allah SWT, sambil mengharap rahmat-Nya dan takut akan azab-Nya, pada hari perkumpulan umat Islam terbesar di atas dunia ini.

Wukuf (di Arafah) ini juga mengingatkan umat Islam tentang adanya perkumpulan yang sangat besar yang Allah SWT telah janjikan pada hari kiamat nanti. Ketika itu, seluruh manusia dari yang pertama sampai yang terakhir akan berkumpul untuk menunggu keputusan Allah SWT, kemudian mereka akan berjalan menuju tempat masing masing. Ada yang mendapatkan nikmat yang kekal dan ada pula yang ditimpa azab yang sangat pedih. Semuanya bergantung kepada amalan semasa hidup di dunia dan rahmat Allah SWT. Tidak ada yang dapat disembunyikan lagi pada hari tu kerana semuanya dalam pengetahuan Allah SWT yang Maha Esa. Allah SWT berfirman:

يَوْمَئِذٍ تُعْرَضُونَ لَا تَخْفَى مِنْكُمْ خَافِيَةٌ ﴿١٨﴾

² Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi

³ Hadis riwayat Imam Muslim

Maksudnya: *“Pada hari itu, kamu semua dihadapkan (untuk hitungan amal); tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi (kepada Allah) dari perkara-perkara kamu yang tersembunyi”.* **(Surah al-Haaqqah ayat 18)**

Manusia dikumpulkan dalam keadaan telanjang, tidak beralas kaki, belum berkhitan dan berdiri sehari di padang mahsyar bersamaan 50,000 tahun⁴ di dunia. Kedudukan matahari pula sangat dekat membuatkan manusia berpeluh mengikut keadaan amal mereka. Dirwayatkan daripada Miqdad bin al-Aswad bahawa Rasulullah SAW bersabda:

*“Pada hari kiamat, matahari didekatkan kepada manusia dalam jarak satu batu. Kemudian manusia berpeluh menurut amal perbuatan mereka. Antara mereka ada yang berpeluh sehingga (terendam) tumitnya; Antara mereka, ada yang berpeluh hingga (menenggelamkan) lutut; Antara mereka, ada yang berpeluh hingga (terendam) pinggangnya; Dan ada yang benar-benar dikendalikan oleh peluhnya sendiri. (al-Miqdad radhiyallahu anhu, sahabat yang meriwayatkan hadis ini) mengatakan, “Rasulullah SAW memberikan isyarat dengan tangan ke arah mulut baginda”.*⁵

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Justeru, marilah kita manfaatkan kesempatan pada hari Arafah nanti untuk memperbanyakkan berdoa, berpuasa, membaca al-Quran, melakukan amal-amal soleh, bertaubat kepada Allah SWT, dan memohon keselamatan di dunia dan akhirat.

Mengakhiri khutbah hari ini, saya simpulkan;

Pertama: Hari Arafah merupakan antara hari yang utama dan memiliki banyak keistimewaannya tersendiri.

Kedua: Kita sangat dianjurkan untuk berpuasa sunat pada hari Arafah selain memperbanyakkan berdoa kerana padanya ialah detik terbaik untuk berdoa.

Ketiga: Perbanyakkan muhasabah diri dan bertaubat kepada Allah SWT memohon keampunan-Nya dan keselamatan dunia dan akhirat.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Fajr ayat 22 hingga 24:

⁴ Surah al-Ma'arij ayat 4

⁵ Hadis riwayat Imam Muslim

وَجَاءَ رَبُّكَ وَالْمَلَكُ صَفًّا صَفًّا ﴿٢٢﴾ وَجِيءَ يَوْمَئِذٍ بِجَهَنَّمَ يَوْمَئِذٍ يَتَذَكَّرُ الْإِنْسَانُ وَأَنَّى لَهُ الذِّكْرَى

﴿٢٣﴾ يَقُولُ يَا لَيْتَنِي قَدَّمْتُ لِحَيَاتِي ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Dan (perintah) Tuhanmu pun datang, sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah), Serta diperlihatkan neraka Jahannam pada hari itu, (maka) pada saat itu manusia akan ingat (hendak berlaku baik), dan bagaimana ingatan itu akan berguna lagi kepadanya? Dia akan berkata: "Alangkah baiknya kalau aku dahulu sediakan amal-amal baik untuk hidupku (di sini)!”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
 فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بَدِوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ د-فَرْتَوَانِ ائْخُوغِ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغِ فَرْمَالِيَسُورِي ائْخُوغِ، رَاغِ زَارِيثُ صُوفِيَاةَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرِ الْمُسْلِمِينَ الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ. اللَّهُمَّ أَرْحَمِ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ عِبَادِكَ.
اللَّهُمَّ اكْشِفِ الْغَمَةَ عَنْ أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْفَعَ الْبَلَاءَ عَنْ غُرَّةٍ وَأَهْلِهَا، وَأَنْ
تَنْصِرَهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ، وَأَنْ تَرْحَمَ الْمُسْتَضْعَفِينَ مِنْ عِبَادِكَ، وَأَنْ تَكْشِفَ الْغَمَةَ عَنْ
أُمَّتِنَا. اللَّهُمَّ عَافِنَا وَالطُّفَّ بِنَا وَاحْفَظْنَا وَأَنْصِرْنَا وَفَرِّجْ عَنَّا وَالْمُسْلِمِينَ. اللَّهُمَّ اكْفِنَا
وَإِيَاهُمْ جَمِيعًا شَرَّ مَصَائِبِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْحَنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ﴾

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.